

## Masanya Akan Tiba

Oleh Penatua Elder Whitney Clayton

Dari Presidensi Tujuh Puluh

Saya telah melayani sebagai seorang mubaligh muda selama beberapa bulan di kawasan-kawasan bandar Lima, Peru. Disebabkan itu, saya sudah banyak kali melalui Plaza de Armas di Lima. The Government Palace, tempat kediaman rasmi dan pejabat Presiden Peru, berhadapan dengan plaza tersebut. Teman-teman mubaligh dan saya telah mengundang ramai orang di plaza tersebut, untuk mendengar injil yang telah dipulihkan. Saya selalu tertanya-tanya bagaimana rasanya untuk masuk ke dalam istana itu, tetapi peluang untuk melakukannya adalah tipis.

Tahun lepas, Penatua D. Todd Christofferson dari Kuorum Dua Belas Rasul, beberapa orang lain dan saya, telah berjumpa dengan Alan Garcia, iaitu President Peru sekarang, di dalam Government Palace. Kami dibawa melihat bilik-bilik yang cantik dan diterima dengan mesra oleh Presiden Garcia. Persoalan-persoalan saya tentang istana tersebut telah terjawab di dalam cara yang tidak pernah saya impikan dapat terjadi pada tahun 1970 dahulu semasa saya menjadi seorang mubaligh muda.

Keadaan telah berubah di Peru sejak saya menjadi seorang mubaligh dahulu, terutama sekali bagi Gereja ini. Terdapat lebih kurang sebelas ribu ahli Gereja di sana dan hanya terdapat satu pasak. Hari ini, terdapat lebih daripada tiga ratus ribu ahli gereja dan hampir seratus pasak. Di kawasan bandar di mana dahulunya hanya terdapat kumpulan-kumpulan ahli gereja yang kecil, sekarang banyak pasak dan tempat-tempat pertemuan gereja yang menarik menghiasi tanah tersebut. Perkara yang sama juga telah berlaku di dalam banyak negara lain di seluruh dunia.

Perkembangan gereja yang menakjubkan ini layak untuk diberikan penjelasan. Kita bermula dengan sebuah nubuat dari Perjanjian Lama.

Daniel merupakan seorang hamba berbangsa Ibrani di Babylon. Dia telah diberikan peluang untuk mentafsir mimpi Raja Nebuchadnezzar. Daniel meminta Tuhan untuk mendedahkan mimpi dan maksud mimpi tersebut kepadanya, dan doanya telah dijawab. Dia memberitahu Nebuchadnezzar, “Tuhan penguasa di syurga, menyatakan segala rahsia, dan memberitahu tuanku hal masa depan. Inilah penglihatan yang tuanku nampak ketika tuanku beradu.” Dia mengatakan bahawa raja tersebut telah melihat sebuah patung yang menakutkan yang mempunyai kepala, badan...tangan, dan kaki. Sebuah batu telah dipotong tanpa tangan dari sebuah gunung dan berguling-guling sehingga saiznya semakin membesar. Batu itu melanggar patung tersebut, lalu memecahkannya, “batu itu menjadi sebuah gunung yang memenuhi seluruh bumi.”

Daniel menjelaskan bahawa patung tersebut melambangkan kerajaan-kerajaan politik pada masa depan dan “pada zaman raja-raja tersebut [di masa depan] Tuhan Syurgawi

akan membina sebuah kerajaan, yang tidak akan dapat dihancurkan lagi:...tetapi ia akan memecahkan dan menghancurkan semua kerajaan tersebut, dan ia akan berdiri untuk selamanya.”

Sekarang kita merujuk kepada tulisan suci tentang zaman kini. Malaikat Moroni muncul kepada Joseph Smith buat pertama kalinya dalam tahun 1823 dan memberitahukan kepadanya bahawa Tuhan memiliki suatu pekerjaan untuk [aku] lakukan; dan namanya akan dikenali dengan baik dan jahat di antara segala bangsa, kaum, dan bahasa. “ Kata-kata Moroni ini sudah pasti memeranjatkan Joseph yang pada masa itu hanyalah berusia tujuh belas tahun.

Dalam tahun 1831, Tuhan memberitahu Joseph bahawa kunci-kunci kerajaan Tuhan telah “dipercayakan kepada manusia di atas bumi. “ Dia juga mengatakan bahawa “Injil [akan] bergulir ke ujung-ujung bumi, bagaikan batu yang terpenggal dari gunung tanpa perbuatan tangan,... sampai telah memenuhi seluruh bumi., “ sama seperti yang diberitahukan oleh Daniel kepada Nebuchadnezzar.

Pada tahun 1898, Presiden Wilford Woodruff menceritakan sebuah pengalaman sebagai seorang ahli gereja yang baru dalam tahun 1834 di dalam sebuah pertemuan imamat berhampiran dengan Kirtland. Dia mengatakan: Nabi Joseph memanggil semua pemegang imamat untuk berkumpul di dalam sebuah bangunan sekolah kayu yang terdapat di sana. Ianya merupakan sebuah bangunan yang kecil, mungkin seluas 18 meter persegi. Apabila kami telah berkumpul, Nabi Joseph telah memanggil para Penatua Israel ... untuk memberikan kesaksian terhadap pekerjaan tersebut ... . Apabila mereka telah selesai, Nabi Joseph pun berkata, ‘Saudara-saudaraku, saya telah diangkat dan diajar daripada kesaksian anda semua pada malam ini, tetapi saya ingin mengatakan kepada anda semua di hadapan Tuhan, bahawa anda belum banyak mengetahui tentang semua takdir Gereja dan kerajaan ini sama seperti seorang bayi di atas pangkuan ibunya. Anda tidak memahaminya... . Hanya sedikit sahaja pemegang Imamat yang anda lihat di sini pada malam ini, tetapi Gereja ini akan memenuhi Amerika Utara dan Selatan---ia akan memenuhi dunia ini. ‘

Nubuat-nubuat ini iaitu:

- kerajaan Tuhan adalah seperti batu yang dipotong dari sebuah gunung akan memenuhi dunia ini;
- nama Joseph Smith akan dikenali di seluruh dunia; dan
- gereja ini akan memenuhi seluruh Amerika dan memenuhi dunia

mungkin kelihatannya tidak masuk akal. Kumpulan kecil orang-orang yang percaya, yang hanya memperoleh pendapatan sekadar cukup makan sahaja di kawasan-kawasan Amerika yang tidak dihuni dan berpindah untuk mengelakkan diri dari penganiayaan, tidak menunjukkan sebuah landasan iman yang mampu merentas sempadan-sempadan antarabangsa dan menyentuh banyak hati di merata tempat.

Tetapi inilah yang benar-benar terjadi. Biarlah saya memberikan sebuah contoh.

Pada hari Krismas, tahun 1925, di Buenos Aires, Penatua Melvin J. Ballard telah mendedikasikan seluruh benua Amerika Selatan bagi pengkhotbah injil. Pada hujung bulan Ogos 1926, beberapa orang ahli gereja yang baru telah dibaptiskan. Merekalah yang merupakan ahli-ahli gereja Yesus Kristus Dari Orang-orang Suci Zaman Akhir yang pertama di seluruh Amerika Selatan. Itu adalah 85 tahun yang lalu.

Terdapat 23 pasak Sion di Buenos Aires pada hari ini, dengan berpuluh-puluh pasak dan berpuluh ribu ahli Gereja di bandar-bandar dan kota di seluruh Argentina. Sekarang terdapat lebih daripada 600 pasak dan dua juta empat ratus ribu ahli Gereja di seluruh Amerika Selatan. Semasa kita melihat, kerajaan Tuhan sedang memenuhi benua tersebut, dan nama Joseph Smith dikhabarkan oleh kita dan mereka yang tidak percaya di dalam negara-negara yang mungkin dia sendiri tidak pernah dengar semasa riwayat hidupnya.

Terdapat hampir tiga ribu pasak di dalam Gereja di seluruh dunia sekarang, dari Boston ke Bangkok dan Mexico City ke Moscow. Kita menuju ke arah jumlah sebanyak dua puluh sembilan ribu bahagian dan cawangan. Di dalam banyak negara, terdapat pasak-pasak yang kuat, dengan ahli-ahli gereja yang mempunyai nenek moyang mereka yang dahulunya merupakan ahli baru. Di tempat lain, ahli-ahli gereja yang baru bertemu sebagai cawangan-cawangan kecil di dalam rumah-rumah sewa. Setiap tahun Gereja ini menyebar jauh ke seluruh dunia.

Semua nubuat tentang memenuhi bumi dan dikenali di seluruh dunia ini: karut? Mungkin. Tidak akan terjadi? Mustahil? Sudah pastinya tidak. Ianya sedang berlaku di depan mata kita.

Presiden Gordon B. Hinckley memerhatikan:

“Pernah dikatakan bahawa Empayar British sentiasa berjaya meluaskan jajahannya di dunia. Sekarang empayar tersebut sudah berakhir. Tetapi ianya benar bahawa pekerjaan Tuhan sentiasa berjaya kerana ia menyentuh kehidupan umat manusia di seluruh bumi.

“Dan ini hanyalah permulaannya. Kita baru sahaja di atas permukaan. Pekerjaan kita tidak terbatas... Negara-negara yang masih menutup pintunya kepada kita akan terbuka pada suatu hari nanti. “

Hari ini kita dapat melihat bahawa penggenapan sebuah nubuat dari Kitab Mormon semakin menghampiri.

“Dan ... masa itu akan tiba, akan terjadi bahwa para raja akan menutup mulut mereka; karena apa yang belum diberitahukan kepada mereka akanlah mereka lihat; dan apa yang belum mereka dengar akanlah mereka pertimbangkan.

“Karena pada masa itu, demi kepentingan-Ku Bapa akan mengerjakan suatu pekerjaan, yang akan menjadi suatu pekerjaan yang besar dan yang menakjubkan di antara mereka.”

Pekerjaan Tuhan ini sememangnya besar dan menakjubkan, tetapi ia bergerak maju tanpa disedari oleh kebanyakan politik manusia, budaya dan para pemimpin akademik. Ia memajukan sebuah hati dan sebuah keluarga dalam satu masa, dengan senyap dan perlahan, mesej sucinya memberkati semua orang di mana-mana sahaja.

Sebuah ayat di dalam Kitab Mormon menyediakan satu kunci kepada perkembangan mukjizat Gereja ini pada hari ini. “Dan selain itu, aku berkata kepadamu, bahwa waktunya akan tiba ketika pengetahuan tentang Juruselamat akan menyebar ke setiap bangsa, kaum, bahasa, dan khalayak.”

Mesej kita yang paling penting, yang mana kita diperintahkan dan diwewangkan untuk membawanya ke serata tempat di dalam dunia ini, bahawa adanya seorang Juruselamat. Dia telah hidup di dalam pertengahan zaman. Dia menanggung dosa-dosa kita, disalibkan, dan telah bangkit. Mesej yang tiada tolok bandingnya ini, yang kita ajarkan dengan wewenang daripada Tuhan, adalah sebab sebenar gereja ini berkembang seperti sekarang.

Saya bersaksi bahawa Dia muncul dengan Bapa-Nya kepada Joseph Smith. Di bawah perintah Bapa, Dia telah menegakkan injil-Nya lagi ke atas bumi ini. Dia menghantar para rasul, nabi, dan kunci-kunci imamat ke atas bumi lagi. Dia membimbing Gereja-Nya melalui seorang nabi yang hidup, Presiden Thomas S. Monson. Gereja-Nya itulah yang merupakan batu yang telah dipotong dari gunung yang berguling ke seluruh dunia.

Kita berterima kasih kepada Joseph Smith, dan melihat dengan penuh kekaguman kerana namanya dihormati, ya, dan juga dihina dengan begitu meluas di seluruh dunia. Tetapi kita tahu bahawa pekerjaan zaman akhir yang besar ini bukanlah tentang dia. Ianya adalah pekerjaan Tuhan Bapa yang Mahakuasa dan Anak-Nya, Putera Kedamaian. Saya bersaksi bahawa Yesus Kristus ialah Juruselamat dan berdiri dengan kagum bersama dengan anda sambil pekerjaan ini bergerak ke hadapan dengan penuh mukjizat, menakjubkan, dan tidak dapat dihalangi. Sememangnya, “ waktunya [sudah] tiba ketika pengetahuan tentang Juruselamat ... menyebar ke setiap bangsa, kaum, bahasa, dan khalayak.” Inilah hari yang sangat diberkati. Di dalam nama Yesus Kristus, Amin.